

14/09/1999

Anwar pandai guna penuntut untuk kepentingan

KUALA SELANGOR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendakwa bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah dalang tunjuk perasaan yang cekap dan menggunakannya untuk menonjolkan diri bagi kepentingan peribadi.

Perdana Menteri berkata, Anwar pandai menggunakan penuntut dan orang ramai untuk tujuan politiknya dan ini terbukti apabila beliau menjadi dalang dalam demonstrasi penuntut universiti sebelum menyertai kerajaan.

Sambil menyingkap demonstrasi pada 1974 ketika beliau baru saja menjadi Menteri Pelajaran, Dr Mahathir berkata Anwar mendalangi demonstrasi itu dengan mendakwa kononya seorang budak mati kebuluran di Baling, Kedah.

"Walaupun cerita itu tidak benar, penuntut universiti tetap mengadakan tunjuk perasaan dan berdemonstrasi hingga beliau terkenal.

"Siapa yang menjadi dalang? Tidak lain tidak bukan Anwar yang ketika itu belum menjadi Datuk Seri. Jelas sekali Anwar adalah dalang tunjuk perasaan yang cukup cekap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kompleks Sukan Kuala Selangor dan Perhimpunan Bersama Rakyat, di sini malam ini. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob.

Lebih 30,000 orang berkumpul sejak petang dan meneriakkan "Hidup Mahathir" sebaik saja Perdana Menteri memasuki stadium yang baru siap dibina oleh pemaju tempatan.

Pelbagai sepanduk, termasuk - Kuat Semangat, Teruskan Perjuangan, Kami Tetap Bersamamu, Kami Menyokong Penuh Kepimpinan Perdana Menteri, MCA Selangor Menyokong Dr Mahathir Memimpin Negara Menuju Alaf Baru - memenuhi ruang stadium yang padat dengan orang ramai itu.

Dr Mahathir berkata, parti pembangkang pula mengambil kesempatan daripada demonstrasi terbaru ketika Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di New Zealand dan Persidangan Undang-undang Komanwel di Petaling Jaya, bagi meraih sokongan.

Selain itu, katanya, mereka juga mengada-adakan cerita kononnya Anwar diracun dengan harapan rakyat merusuh.

Perdana Menteri berkata, kini isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula membuat kenyataan kononnya kerajaan cuba meracun suaminya yang kini dipenjarakan.

"Ini bukan kali pertama. Apabila suaminya dimasukkan ke dalam tahanan tahun lalu, beliau berkata kerajaan akan cucuk kuman AIDS, satu tuduhan tidak berasas sama sekali.

"Parti mereka (pembangkang) mungkin cucuk kuman AIDS dan meracun musuh, sebab itu mereka tidak harus diberi kepercayaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, semasa Anwar berada di dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan ketika menjadi menteri Kabinet, tidak berlaku rusuhan sehinggalah disingkir daripada kerajaan.

"Saya yakin jika hari ini dia masih lagi Timbalan Perdana Menteri, tidak ada rusuhan kerana dalang rusuhan tidak ada di luar kerajaan," katanya.

(END)